



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN (TDA), ingin mempelawa syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang bersesuaian untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja berikut:

NO. SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR PELAWAAN	KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TARIKH MULA IKLAN	TARIKH TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP IKLAN
TDA/SH/1/2026	Kerja-Kerja Pembersihan Jalan, Pemotongan Rumput, Penyucian Longkang, <i>Culvert</i> Dan <i>Manhole</i> Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Jalan Negeri, Pulau Tioman, Rompin, Pahang.	Perakuan CIDB (SPKK, PPK & STB), GRED G1 (BUMIPUTERA) PENGKHUSUSAN: CE21 ATAU 221002 (Membersih kawasan) Dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)	RM 20.00	24 MAC 2026 (SELASA) (Selepas Jam 12.00 Tengahari)	01 APRIL 2026 (RABU) (Jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Teknikal, Lembaga Pembangunan Tioman, Kg. Tekek, Pulau Tioman.)	02 APRIL 2026 (KHAMIS) Hingga 09 APRIL 2026 (KHAMIS)	09 APRIL 2026 (KHAMIS) (Sebelum jam 12.00 tengahari)
TDA/SH/2/2026	Kerja-Kerja Baikpulih Jalan Kg. Paya, Pulau Tioman Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan.	Perakuan CIDB (SPKK, PPK & STB), GRED G1 (BUMIPUTERA) PENGKHUSUSAN: CE21 ATAU CE11 ATAU TAMBAHAN: B06 Dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)	RM 20.00				
TDA/SH/3/2026	Kerja-Kerja Baikpulih Jalan Belakang Padang Terbang, Kg. Tekek, Pulau Tioman.		RM 20.00				
TDA/SH/4/2026	Kerja-Kerja Baikpulih Jalan Kg. Mukut, Pulau Tioman Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan.		RM 20.00				
TDA/SH/5/2026	Kerja-Kerja Baikpulih dan Naik Taraf Jalan Kg. Air Batang, Pulau Tioman Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan.		RM 20.00				

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada Kontraktor Gred G1, kelas (Pengkhususan CE21 atau CE11 atau tambahan B06) / Syarikat / Entiti Perniagaan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang yang berkaitan serta mempunyai **Sijil Pematuhan Cukai atau Tax Compliance Certificate (TCC)** yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebagai dokumen prasyarat yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan perolehan Kerajaan (**Sijil Pematuhan Cukai (TCC) hendaklah dibawa bersama semasa lawatan tapak**).
2. Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. **Pemilik syarikat yang sah iaitu penama-penama yang berdaftar didalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) sahaja DIWAJIBKAN** hadir ke taklimat dan lawatan tapak ini. **WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN**. Kontraktor perlulah **mendaftar kehadiran** terlebih dahulu dengan Lembaga Pembangunan Tioman pada hari taklimat dan lawatan tapak dijalankan. Sila bawa sijil-sijil syarikat yang berdaftar semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Sila **datang awal** sebelum masa taklimat dan lawatan tapak dimulakan.
3. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada pemilik syarikat atau wakil syarikat yang sah dan yang telah hadir ke sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas boleh membuat pembayaran secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) ke dalam akaun Lembaga atau pembayaran secara *paywave* semasa pembelian dokumen sebut harga.
4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri** dan bertanda dengan jelas di penjuru atas sebelah kiri **nombor sebut harga** dan **tajuk sebut harga** tanpa apa-apa pengenalan di luarnya. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah ditetapkan mengikut jadual di atas pada **09 APRIL 2026 sebelum jam 12.00 tengahari** di alamat berikut:

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
No. 1 , Jalan Besar Tanjung Gemok 1, Telok Gading,
26820 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur.

5. Pihak **Lembaga Pembangunan Tioman** tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mengemukakan sebab-sebab tawaran tersebut ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI JUMSHOIRY NOVDANY BIN MOHD SULAIMAN, AAP.)

Pengurus Besar

Lembaga Pembangunan Tioman